

14 APR 1999

EKSPO-PEMBELI

DEWAN PERNIAGAAN CINA NAK TARIK PEMBELI BAGI PAMERAN

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Dewan Perniagaan dan Industri Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI) melahirkan komitmennya untuk menarik bakal-bakal pembeli luar negeri bagi Expo Cintai Malaysia '99 pada Ogos ini.

Pada sidang akhbar di sini, hari ini, presidennya Datuk Lim Guan Teik berkata, KLSCCCI akan mengundang rakan sejawatnya dari rantau Asia pada Mei atau Jun ini untuk menyertai pameran selama 10 hari itu.

Jemputan itu, katanya, juga akan dihulurkan kepada badan-badan perdagangan lain di Amerika Syarikat dan Eropah, yang mana Lim percaya delegasi tersebut dijangka membuat tempahan import memandangkan kepada kadar pertukaran yang menguntungkan mereka.

Lim menambah kata pameran kedua itu dijangka lebih besar daripada pameran tahun lalu kerana KLSCCCI menerima pertanyaan daripada Dewan Perniagaan Melayu dan Dewan Perniagaan India yang menggalakkan anggota masing-masing untuk menyertai dalam pameran itu.

Beliau berharap pameran itu akan dijadikan sebagai acara rasmi tahunan untuk menawarkan kepada para pengguna Malaysia produk tempatan yang menguntungkan agar ia dapat meningkatkan perbelanjaan dan mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Expo Cintai Malaysia '99 akan diadakan di Pusat Pameran Mines dari 13 hingga 22 Ogos dan terdapat jangkakan jumlah peserta, pengunjung dan jualan yang berganda daripada tahun lalu yang mencatatkan 442 gerai, 586,000 orang dan RM20 juta dalam jualan, kata Lim.

Setakat ini, KLSCCCI telah menerima tempahan bagi 120 gerai daripada syarikat-syarikat dalam pelbagai industri sejak ekspos itu dilancarkan pada 9 Mac.

Syarikat-syarikat itu termasuklah BSA Manufacturing Sdn Bhd, Lam Soon (M) Bhd, Hai-O Enterprise Bhd, Hwa Tai Industries Bhd, Clara International Beauty Group dan Muda Holdings Bhd.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri majlis perasmian ekspos itu.

--BERNAMA

MFZ ZK OS